

# Kemuliaan Ramadhan

## - Canselor UTeM Prihatin Bantu Golongan Kurang Berkemampuan

16 Ogos: Bersempena dengan bulan Ramadhan yang penuh kemuliaan, UTeM telah menganjurkan Majlis Iftar bersama Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob di Masjid UTeM Kampus Induk Durian Tunggal.

Majlis tersebut merupakan kali kedua dianjurkan di Masjid UTeM yang mula beroperasi pada tahun lalu. Ketibaan Tun Mohd Khalil Yaakob yang juga merupakan Canselor UTeM telah disambut oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan serta pegawai-pegawai kanan universiti.

Menurut Dr. Ahmad Yusoff, tujuan utama diadakan program ini adalah untuk merapatkan hubungan silaturahim sesama warga universiti di samping meningkatkan kefahaman serta penghayatan tentang hikmah dan kebesaran bulan Ramadhan ini.

Justeru, katanya lagi, majlis itu juga mampu membentuk jalinan kasih dan ikatan persaudaraan yang teguh di antara warga universiti bersama masyarakat sekeliling.

Dalam pada itu, majlis yang dianjurkan merupakan saluran kepada UTeM untuk menyampaikan bantuan kepada golongan yang memerlukan di bulan yang penuh keberkatan ini.

Pada majlis yang mendapat keredhaan Ilahi ini seramai 96 orang yang dikategorikan sebagai golongan kurang berkemampuan terdiri daripada 20 orang ibu tunggal, 30 orang anak-anak yatim, 15 orang anak-anak yatim staf UTeM serta 31 orang pelajar universiti ini telah menerima sumbangan hari raya.

Sumbangan itu telah disampaikan oleh Tun Mohd Khalil Yaakob kepada golongan tersebut hasil daripada sumbangan ikhlas daripada badan-badan persatuan di UTeM seperti Badan Kebajikan Staf UTeM (BAKUTeM), Puspanita, Sri Kesidang, Koperasi UTeM, Tabung Amal Jariah UTeM serta orang perseorangan.

Majlis Iftar yang dianjurkan diteruskan dengan solat Isyak dan Tarawikh yang diimamkan oleh Mufti Negeri Melaka, Datuk Wira Hj. Rashid Redza Md. Saleh.

Turut hadir ke majlis ini ialah Pro Canselor UTeM, Tan Sri Datuk Dr. Johari Mat, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Datuk Ir Dr Ahmad Zaidee Laidin dan barisan pegawai kanan UTeM serta lebih 1,000 warga UTeM termasuk pelajar antarabangsa.

MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI

OGOS 2011

KANDUNGAN

Kemuliaan Ramadhan – Canselor UTeM Prihatin Bantu Golongan Kurang Berkemampuan | Kempen Kibar Jalur Gemilang Semarak Jiwa Merdeka | Naib Canselor Adakan Kunjungan Hormat Ke Pejabat Ketua Menteri Melaka | Universiti Penyelidikan Austria Minat Jalin Kerjasama Dengan UTeM | MoU UTeM & UNS Tingkatkan Kerjasama Strategik Dua Hala | UTeM Sumbang Kepakaran Tingkatkan Akses Internet Untuk Komuniti Di Negeri Melaka | UTeM Jalin Kerjasama Dengan Universiti Jerman | UTeM Meterai MoU Bersama Universiti Awam Amerika Syarikat | Takwim Waktu Berbuka Puasa & Imsak Diedarkan ke Masjid-Masjid Negeri Melaka | Staf Canselor Raikan Anak Yatim & Kurang Kemampuan | FKEKK Raikan Anak Yatim & Pelajar Tahfiz | Naib Canselor UTeM Jayakan Aktiviti Edar Bubur Lambuk | Prestariang Hulus Zakat Kepada Mahasiswa UTeM | Program Titipan Kasih PRAKTIS Bantu Golongan Kurang Berkemampuan | Mahasiswa UTeM Gotong Royong Masak Bubur Lambuk | FTKM Anjur Program Semarak Ramadhan | E-BIKE Dinobat Produk Paling Inovatif | UTeM Dedah Peluang Pendidikan Bidang Teknologi Kejuruteraan Kepada Pelajar Di Sarawak | Warga Pejabat Pembangunan Laksanakan Khidmat Komuniti | Program Kolokium Semarakkan Penyelidikan & Inovasi FTKM | Seminar Kesedaran Kanser Prostat Salur Maklumat Berguna Kepada Warga Universiti | Kempen Nafas Baru Sempena Ramadhan Dapat Sambutan | Berita Kelahiran | Lawatan Muhibbah Eratkan Hubungan Dengan Media | Produk Penyelidikan UTeM Dapat Perhatian Umum | Personaliti Pilihan

ISSN 1985 - 4706



9771985 47 0003



**Editor BERITA@UTeM**

**KETUA EDITOR :**

Prof. Madya Mohd Rahimi  
Bin Yusoff

**PEN. KETUA EDITOR :**

Fazidah Binti Ithnin

**WARTAWAN :**

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad  
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

**REKA BENTUK GRAFIK :**

Aziza Binti Md Buang  
Suria Binti Abdul Rahman

**JURUFOTO :**

Md. Nor Bin Mohamad Saleh  
Nurulidayu Binti Talib  
Mohd Farid Bin Supangi  
Asri Bin Abu

**PENGEDARAN :**

Yang Sarinah Binti Mohd Talib  
Mohammad Taufik Bin Osman

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM? Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke [berita@utem.edu.my](mailto:berita@utem.edu.my)

Hak Cipta Terpelihara  
Pejabat Perancangan Dan Komunikasi Korporat, Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal, Melaka  
Tel : +606 331 6248 / 6249  
Faks : +606 331 6247



## Kempen Kibar Jalur Gemilang Semarak Jiwa Merdeka

**4 Ogos :** Kempen Kibarkan Jalur Gemilang peringkat universiti telah dilancarkan oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan di Dataran Canselori Kampus Induk Durian Tunggal hari ini.

Pada majlis tersebut Dr. Ahmad Yusoff telah melekatkan Jalur Gemilang di kenderaan rasmi universiti sebagai simbolik kepada pelancaran kempen.

Kira-kira 100 orang staf UTeM termasuk pegawai-pegawai kanan dari pelbagai jabatan hadir menyaksikan majlis yang bersejarah itu. Dalam pada itu, UTeM telah pun mula menghiasi jalan-jalan utama dan bangunan di Kampus Induk dengan Jalur Gemilang serta mengagih-agihkan 2,000 bendera kepada staf bagi menjayakan kempen tersebut.

## Naib Canselor Adakan Kunjungan Hormat Ke Pejabat Ketua Menteri Melaka

**4 Ogos 2011:** Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dengan diiringi oleh Dr. Radzuan Nordin, Pengarah Pusat Islam UTeM telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Ketua Menteri Melaka bagi memaklumkan perkembangan dan pencapaian semasa universiti ini.

Pada sesi tersebut, Naib Canselor membentangkan perkembangan terkini UTeM meliputi aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan serta perancangan pihak pengurusan universiti pada masa hadapan. Turut dibincangkan pengoperasian Masjid UTeM yang telah memberi kemudahan kepada warga universiti dan masyarakat setempat sekitar Durian Tunggal dan Ayer Keroh untuk menunaikan solat Jumaat serta solat tarawikh dengan selesa.

Dalam pada itu, Dr. Ahmad Yusoff berkata, kunjungan hormat yang diadakan adalah untuk mengukuhkan hubungan kerjasama yang sedia terjalin erat dengan kerajaan negeri di samping bertukar-tukar pandangan.



## Universiti Penyelidikan Austria Minat Jalin Kerjasama Dengan UTeM

**3 Julai :** Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan telah mengadakan lawatan ke Vienna University of Technology (TUV) Austria baru-baru ini.

Lawatan itu telah disambut oleh TUV yang diwakili oleh Prof. Dr Adabert Ptrecht, Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa bersama dengan Prof. Dr. Wilhelm Hoefinger, Pengerusi Penyelidikan TUV.

Lawatan UTeM ke ke TUV merupakan lawatan balas susulan lawatan delegasi universiti itu ke UTeM pada pada bulan November tahun lalu bagi melihat sendiri pembangunan UTeM sebagai IPTA Teknikal pertama di Malaysia.

Kedua-dua universiti turut berbincang untuk mengadakan program mobiliti pelajar yang melibatkan proses pertukaran pelajar di peringkat antarabangsa. Perbincangan turut menyentuh penyertaan UTeM dalam Asean Uninet iaitu program penajaan biasiswa oleh kerajaan Austria untuk staf universiti-universiti Asia Tenggara bagi melanjutkan pengajian di Austria.



## MoU UTeM & UNS

### Tingkatkan Kerjasama Strategik Dua Hala

28 Julai : UTeM menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan sebuah universiti dari Indonesia iaitu Universitas Sebelas Maret (UNS) hari ini.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, fokus utama MoU ini adalah program mobiliti dan pertukaran pelajar dan staf antara kedua-dua buah universiti.

Antara perkara lain yang terkandung dalam MoU itu turut menyentuh pertukaran bahan-bahan rujukan saintifik bagi kegunaan para ahli akademik kedua-dua buah universiti.

UNS diketuai oleh Rektor Prof. Dr. Ravik Karsidi serta Pembantu Rektor Perencanaan dan Kerjasama, Dr. Widodo Muktiyo dan beberapa pegawai kanan universiti itu.



## UTeM Sumbang Kepakaran Tingkatkan Akses Internet Untuk Komuniti Di Negeri Melaka

17 Ogos : Majlis Menandatangani Perjanjian di antara Kerajaan Negeri Melaka, UTeM, MIMOS dan PERNEC bagi meningkatkan kebolehcapaian internet menggunakan teknologi yang dikenali sebagai "WiWi" di tempat awam telah berlangsung di Seri Negeri hari ini.

UTeM yang diwakili oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, "Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) diberi tanggungjawab untuk mengendalikan projek usahama itu yang memfokuskan terhadap peningkatan akses internet berkelajuan tinggi di tempat-tempat tumpuan orang ramai sekitar negeri ini," katanya.

Melalui perjanjian tersebut, UTeM memainkan peranan sebagai pengurus projek, MIMOS akan membekalkan akses internet melalui platform "WiWi" manakala PERNEC bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan serta pemasangan peralatan berkaitan.

Hadir sama menyaksikan majlis tersebut Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Haji Mohd Ali Rustam.



## UTeM-Jalin-Kerjasama-Dengan Universiti Jerman



4 Julai : UTeM melebarkan jaringan kerjasama strategik di peringkat antarabangsa setelah menandatangani satu lagi Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Fachhochschule Hannover University of Applied Science (FHH) Jerman.

Menurut Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, objektif utama MoU dengan FHH berfokus kepada program perkongsian bahan-bahan saintifik yang boleh dijadikan rujukan bersama.

Selain itu, antara kandungan MoU yang turut disentuh berhubung program mobiliti yang melibatkan pelajar dan kakitangan antara kedua-dua buah universiti dalam masa terdekat dan jangka panjang.

Kerjasama ini juga akan diterjemahkan dalam bentuk pengajaran dan pembelajaran khususnya bersama dengan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) UTeM yang menjadi tunjang dalam Jalinan MoU ini.

## UTeM Meterai MoU Bersama Universiti Awam Amerika Syarikat



6 Julai : UTeM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Thurgood Marshall College Fund (TMCf) yang merupakan sebuah organisasi mewakili 47 buah universiti awam di Amerika Syarikat baru-baru ini.

MoU tersebut telah ditandatangani di Pejabat Kedutaan Malaysia di Amerika Syarikat. Duta Besar Malaysia di Amerika Syarikat, Datuk Dr. Jamaludin Jarjis yang hadir pada hari tersebut melahirkan rasa gembira dan berpuas hati kerana UTeM telah berjaya memeterai MoU dengan TMCf kerana hubungan kerjasama itu akan memberi impak yang besar.

Majlis menandatangani MoU itu turut disaksikan oleh Pengarah Pejabat Antarabangsa UTeM, Prof. Dr. Nanna Suryana Herman serta Prof. Dr. Posiah Mohd Isa, Pengarah Education Malaysia di Washington.

Salah satu kejayaan rentetan daripada MoU ini ialah pihak TMCf telah memperuntukkan sebanyak USD 2.5 juta bagi geran penyelidikan yang akan digunakan bagi membiayai penyelidikan berhubung pembangunan produk bersama UTeM.



## Takwim Waktu Berbuka Puasa & Imsak Diedarkan ke Masjid-Masjid Negeri Melaka

**2 Ogos:** Sempena dengan bulan Ramadhan, UTeM telah mengambil inisiatif dengan mengedarkan takwim waktu berbuka puasa dan imsak ke masjid-masjid sekitar negeri Melaka.

Lebih daripada 50 buah masjid di sekitar negeri telah menerima edaran takwim ini yang meliputi masjid-masjid di dalam kawasan Melaka Tengah, Jasin dan Alor Gajah.

Program ini juga sebagai sebahagian daripada aktiviti dan tanggungjawab sosial UTeM kepada masyarakat sekitar khususnya di negeri Melaka. Semoga program dan aktiviti ini memberi manfaat yang besar kepada masyarakat sempena bulan mulia ini.



## Staf Canselori Raikan Anak Yatim & Kurang Kemampuan

**11 Ogos :** Seramai 40 orang pelajar Sekolah Kebangsaan Bukit Baru terdiri daripada anak-anak yatim dan kurang kemampuan mengukir senyuman gembira apabila diraikan staf Canselori UTeM di Kampus Induk.

Menurut Pengarah Program, Norhidayah Mohd Zainudin berkata, "Program yang dikenali sebagai Majlis Jalinan Kasih Canselori merupakan platform staf di jabatan ini untuk menabur bakti kepada golongan memerlukan lebih-lebih lagi pada bulan Ramadhan ini," katanya.

Melalui program tersebut, pihaknya telah menjalankan kutipan amal di kalangan staf Canselori untuk disumbangkan kepada pelajar-pelajar terbabit.

"Sambutan sangat di luar jangkaan kerana hasil kutipan derma untuk anak-anak tersebut amat tinggi manakala terdapat juga pihak yang menyumbangkan keperluan lain seperti pengangkutan, makanan dan barangan," jelas Norhidayah lagi.

Sinar kegembiraan jelas terpancar di wajah kanak-kanak tersebut apabila menerima sumbangan berupa duit raya dan barangan keperluan yang disampaikan oleh Pengarah Pejabat Khidmat Pengurusan Canselori, Zainal Bidin.



## FKEKK Raikan Anak Yatim & Pelajar Tahfiz

**12 Ogos :** Kelab Kebajikan Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK) telah mengambil inisiatif mengadakan majlis meraikan anak-anak yatim dan pelajar tahfiz di Masjid UTeM Kampus hari ini.

Majlis itu bertujuan meraikan golongan anak-anak yatim dan pelajar tahfiz sempena dengan bulan Ramadhan dengan memberi sumbangan wang tunai dan barang-barang keperluan, ulas Prof Madya Dr. Abdul Rani Othman, Dekan FKEKK.

Kakitangan FKEKK telah mengenalpasti dan mengumpulkan anak-anak yatim di kawasan sekitar Durian Tunggal agar sambutan aidilfitri yang akan menjelang disambut oleh mereka dengan rasa penuh makna dan kegembiraan.

Di samping itu pelajar-pelajar tahfiz dari Kampung Pasir Merlimau turut dijemput ke majlis itu dan diberi sumbangan oleh pihak FKEKK.

Program ini merupakan aktiviti tahunan oleh fakulti bagi membantu golongan yang memerlukan dan ianya juga bagi mengeratkan hubungan silaturrahim antara UTeM dan masyarakat luar.



## Naib Canselor UTeM Jayakan Aktiviti Edar Bubur Lambuk



**25 Ogos :** Aktiviti memasak bubur lambuk sepanjang bulan Ramadhan anjuran Pusat Islam mendapat sokongan padu pihak pengurusan universiti apabila Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan turun padang bagi mengagihkan bubur lambuk kepada warga UTeM semalam.

Beliau yang ditemui ketika mengagihkan bubur lambuk berkata, "Aktiviti bergotong royong menyediakan bubur lambuk dapat mengeratkan silaturrahim sesama warga universiti lebih-lebih lagi di bulan yang penuh berkat ini," katanya.

Dr. Ahmad Yusoff juga menambah, semangat yang ditunjukkan oleh warga universiti ini dalam menjayakan aktiviti amal itu wajar diberi pujian kerana pelaksanaannya adalah berdasarkan sukarela di samping dapat membentuk modal insan yang luhur pekerti.

Ketika mengedarkan bubur lambuk, Dr. Ahmad Yusoff turut meluangkan masa beramah mesra serta bertanya khabar staf dan pelajar yang hadir pada hari itu.

## Prestariang Hulus Zakat Kepada Mahasiswa UTeM

**16 Ogos** : Prestariang System Sdn. Bhd. sebuah syarikat peneraju dalam bidang ICT di negara ini tampil menyerahkan zakat berjumlah RM 25 ribu untuk disalurkan kepada mahasiswa UTeM yang memerlukan.

Sumbangan zakat tersebut diserahkan oleh Pengurus Pemasaran dan Jualan, Faidauz Azhar mewakili Ketua Pegawai Eksekutif Prestariang kepada Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan pada majlis berbuka puasa yang diadakan di Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Dr. Ahmad Yusoff, sumbangan zakat yang diterima akan diagih-agihkan kepada sebilangan mahasiswa universiti itu yang dikenalpasti tergolong dalam keluarga berpendapatan rendah, mahasiswa anak yatim serta mereka yang memerlukan bantuan kewangan untuk membiayai pengajian dan perbelanjaan harian.

Dr. Ahmad Yusoff yang ditemui pada majlis itu turut melahirkan penghargaan kepada Prestariang di atas sumbangan tersebut yang bakal memberi manfaat besar kepada penerima-penerima zakat iaitu golongan mahasiswa UTeM.



## Program Titipan Kasih PRAKTIS Bantu Golongan Kurang Berkemampuan

**19 Ogos** : Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PRAKTIS) UTeM turut tidak ketinggalan menghulurkan bantuan kepada golongan yang kurang berkemampuan sempena bulan Ramadhan.

Program yang dinamakan Titipan Kasih, PRAKTIS telah bertindak turun padang dengan mendekati keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan dengan menghulurkan bantuan agar Aidilfitri menjelang tiba bakal disambut dengan hati yang gembira.

Menurut Presiden PRAKTIS, Misdom Lan berkata, objektif diadakan program ini adalah untuk menyelami dan membantu golongan yang kurang berkemampuan sempena dengan bulan Ramadhan dan sambutan Aidilfitri tahun ini.

Penerima pertama adalah sebuah keluarga yang mempunyai anak seramai 12 orang yang masih kecil dengan keadaan keluarga tersebut yang serba kekurangan.

Manakala penerima kedua adalah sepasang suami isteri yang telah berusia dan uzur dan hanya menjalankan kerja-kerja sampingan untuk menampung keperluan kehidupan seharian.

Tambah beliau lagi, sumbangan yang diberikan berupa keperluan asas seperti beras, minyak masak, tepung, gula dan serta keperluan hari raya beserta duit raya adalah hasil sumbangan ikhlas daripada ahli-ahli PRAKTIS.



## Mahasiswa UTeM Gotong Royong Masak Bubur Lambuk

**20 Ogos** : Suasana kemeriahan bulan Ramadhan di Kampung Tengah, Sungai Terap Muar jelas terasa apabila sekumpulan mahasiswa UTeM menyertai Program Ihya Ramadhan di kampung itu.

Melalui program tersebut, peserta yang merupakan pelajar tahun 2 Diploma Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) bergotong royong dengan masyarakat setempat memasak bubur lambuk di Masjid As Syukur, Kampung Tengah.

Aktiviti yang bertujuan memberi pendedahan terhadap mahasiswa mengenai hubungan kemasyarakatan itu turut mendapat sokongan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jorak, YB Datuk Dr. Saharuddin Md. Salleh yang hadir beramah mesra dengan peserta.

## FTMK Anjur Program Semarak Ramadhan

**10 Ogos** : Kesempatan di buian Ramadhan digunakan sepenuhnya oleh warga Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) UTeM untuk mengeratkan hubungan di antara pelajar dan staf fakulti tersebut.

Lantaran itu, seramai 300 orang mahasiswa dan staf FTMK terlibat dalam majlis berbuka puasa yang dinamakan Program Semarak Ramadhan.

Majlis tersebut dianjurkan bersempena sesi ramah mesra bersama Dekan FTMK, Prof. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin yang turut berkongsi perkembangan terkini fakulti serta menyampaikan amanat kepada mahasiswa.

Prof. Dr. Shahrin turut meluangkan masa mendengar maklumbalas yang disampaikan oleh mahasiswa meliputi aspek akademik, kebajikan, aktiviti dan hubungan sesama pelajar. Beliau juga menyampaikan tazkirah kepada warga fakulti yang hadir pada hari itu.

Majlis berbuka puasa itu turut mendapat sambutan daripada pelajar-pelajar antarabangsa fakulti terbabit.



## E-BIKE Dinobatkan Produk Paling Inovatif

11 Ogos : Keunikan motorsikal elektrik yang dikenali sebagai "E-Bike" hasil ciptaan seorang pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) UTeM telah dipilih oleh juri sebagai Produk Paling Inovatif pada Hari Penyelidikan FKM yang diadakan baru-baru ini.

Pensyarah tersebut, Safarudin Gazali mendapat ilham untuk menghasilkan "E-Bike" berdasarkan pemerhatiannya terhadap pencemaran asap kenderaan di jalan raya yang semakin membimbangkan.

Kata Safarudin, "Menerusi E-Bike, tiada asap dihasilkan kerana motorsikal akan dipacu oleh kuasa elektrik yang dibekalkan oleh bateri dan ianya mampu bergerak dengan halaju maksimum 80 km/sejam," jelasnya ketika melakukan demonstrasi kenderaan itu.

Sementara itu, bagi kategori pelajar, Kho Kai Fei dengan ciptaannya "Low Cost Gardening Vacuum & Shredding Machine" mendapat tempat pertama mengeneipkan cabaran produk-produk lain yang dipertandingkan.

Menurut Kho, mesin yang diciptanya mampu untuk menyedut daun-daun kering dan terus dikisarkan menjadi halus untuk dibuat baja organik. Katanya lagi, mesin yang dihasilkan mampu memberi kemudahan kepada mereka yang gemar bercucuk tanam di samping dapat menyuburkan tanaman dengan kos yang rendah.



## UTeM Dedah Peluang Pendidikan Bidang Teknologi Kejuruteraan Kepada Pelajar Di Sarawak

31 Julai : UTeM mengambil langkah proaktif menyertai Pameran Pekerjaan dan Pendidikan 2011 anjuran Politeknik Mukah Sarawak baru-baru ini.

Kehadiran UTeM di Mukah adalah untuk menyampaikan maklumat mengenai program terkini yang ditawarkan dalam bidang teknologi kejuruteraan di samping mempromosikan bidang kejuruteraan teknikal, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan teknousahawanan.

Tinjauan mendapati sambutan di tapak pameran UTeM sangat menggalakkan di mana pengunjung yang hadir tidak mahu melepaskan peluang untuk mengetahui syarat-syarat serta pelbagai program yang terdapat di universiti ini.

Hadir merasmikan acara tersebut ialah Y.B Datin Hajah Fatimah Abdullah, Menteri di Jabatan Ketua Menteri Sarawak.

Dalam ucapannya beliau menyeru masyarakat di Sarawak agar menggunakan peluang sebaiknya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi bagi melahirkan generasi profesional yang mampu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang dihasratkan kerajaan.



## UTeM - UDINUS Tingkatkan Kerjasama dan Mobiliti Pelajar Dua Hala



UTeM telah menerima lawatan dari Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS) baru-baru ini di Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK) Kampus Induk Durian Tunggal.

Pertemuan dan perbincangan kedua-dua belah pihak di sini lebih tertumpu kepada isu-isu berkaitan mobiliti pelajar yang mana UTeM dan UDINUS akan memulakan program mobiliti pelajar bermula September ini ujar Prof. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, Dekan FTMK.

Tambah beliau lagi, sebagai permulaan program mobiliti pelajar ini akan melibatkan seramai enam orang pelajar UTeM terlebih dahulu ke UDINUS dan empat orang pelajar UDINUS ke UTeM.

Program yang lahir daripada prinsip 'reciprocal' atau timbal balik ini merupakan lanjutan daripada isi kandungan Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani antara UTeM dan UDINUS pada tahun 2008, ujar beliau kepada pihak media di sini.

## Warga Pejabat Pembangunan Laksanakan Khidmat Komuniti



30 Julai : Kesempitan hidup yang dialami oleh seorang warga emas yang dikenali sebagai Tok Wahid, 86 tahun, mendapat perhatian kakitangan Pejabat Pembangunan UTeM.

Beliau yang tinggal seorang diri di Bachang, Melaka bakal menyambut kedatangan bulan Syawal dengan penuh gembira apabila rumahnya diperbaiki dan dicat semula oleh kira-kira 50 orang staf Pejabat Pembangunan yang turut serta.

Menurut Pengarah Pejabat Pembangunan UTeM, Abd. Wahab Harun berkata, khidmat komuniti yang dianjurkan adalah bertepatan dengan hasrat universiti untuk melahirkan modal insan yang mempunyai semangat kerjasama dan menghayati konsep pembentukan komuniti harmoni.

Melalui program yang dijalankan, kakitangan Pejabat Pembangunan telah bergotong-royong membersihkan persekitaran rumah, mengecat dinding serta memperbaiki beberapa bahagian rumah yang telah uzur dimakan waktu.

## Program Kolokium Semarakkan Penyelidikan & Inovasi FTMK

**16 Ogos** : Fakulti Teknologi Maklumat Komunikasi (FTMK) UTeM telah menganjurkan program Kolokium bulanan di Dewan Seminar Aras 3, FTMK baru-baru ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh FTMK, objektif yang disasarkan dalam melaksanakan program kolokium ini adalah sebagai pendedahan lanjut untuk kajian penyelidikan dan pascasiswazah.

Program ini telah mendapat penyertaan seramai 250 orang mahasiswa dan juga para pensyarah dari FTMK. Antara yang menarik dalam program ini ialah perkongsian input daripada dua orang pembentangan iaitu Syarifanor binti Hisham dan Yahaya bin Abd Rahim yang merupakan pensyarah dari fakulti ini.

Antara topik yang dibincangkan dan dikongsi di kolokium ini termasuk tajuk penyelidikan, maklumat berkaitan geran, PhD penyelidikan serta kertas penyelidikan yang dibentangkan di persidangan atau diterbitkan di jurnal.

Ternyata program sebegini memberi impak yang positif untuk mahasiswa dalam menambah pengetahuan dan perkongsian pengalaman secara lebih mendalam lagi.

Tambah beliau lagi, program ini akan diteruskan setiap bulan yang akan datang dan senario ini membuktikan bahawa UTeM sentiasa mewujudkan persekitaran akademik yang lebih kondusif untuk kebaikan semua.



## Kempen Nafas Baru Sempena Ramadhan Dapat Sambutan

**18 Ogos** : Klinik Kesihatan Pelajar UTeM dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Melaka Tengah menganjurkan kempen kesihatan yang memfokuskan kepada kaedah terbaik untuk berhenti merokok.

Kempen yang diberi nama "Nafas Baru Sempena Ramadhan" telah mendapat sambutan menggalakkan daripada warga universiti ini. Menurut Pegawai Perubatan Klinik Pelajar UTeM, Dr. Raffidah Haron berkata, kempen tersebut dianjurkan untuk menyebarkan maklumat mengenai bahaya merokok terhadap kesihatan serta mempromosikan klinik berhenti merokok kepada umum.

Tambah beliau, kempen tersebut turut menampilkan penceramah dari Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) yang berkongsi maklumat dengan peserta mengenai perspektif Islam terhadap tabiat merokok.

Selain ceramah, peserta juga berpeluang menjalani pemeriksaan kesihatan serta kaunseling dengan pakar kesihatan yang hadir pada hari itu.




## Seminar Kesedaran Kanser Prostat Salur Maklumat Berguna Kepada Warga UTeM

**10 Ogos** : Lebih 100 warga UTeM yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar telah didedahkan mengenai bahaya kanser prostat di dalam satu seminar kesihatan yang diadakan di Auditorium Canselori.

Seminar ini dianjurkan oleh Klinik Pelajar UTeM dengan kerjasama Pusat Perubatan Mahkota, Melaka. Ceramah disampaikan oleh Pakar Urologi hospital berkenaan Dr. Michael Chen Kok Hong mengenai kanser prostat dan juga penyakit kelamin.

Menurut Dr. Michael, kanser prostat adalah kanser yang kelima paling kerap menyerang lelaki di seluruh dunia. Kebanyakan lelaki yang mengidap kanser prostat di peringkat awal kadang-kadang tidak sedar bahawa mereka mempunyai penyakit tersebut.

Sementara itu Pegawai Perubatan UTeM, Dr. Noor Rafidah Haron berkata objektif seminar ini ialah bagi meningkatkan kesedaran kesihatan mengenai kanser prostat, menggalakkan kaum lelaki membuat pemeriksaan saringan, memberi informasi kesihatan mengenai penyakit kelamin serta langkah-langkah pencegahan.



## Kelahiran Ogos 2011



Nama Staf : Aldatul AzuIn binti Sarliffuddin (CRIM)  
 Nama Anak : Danish Iman bin Mohd Taib  
 Tarikh Lahir : 27 Ogos 2011



# Personaliti Pilihan



**MOHD YUSRI BIN MISRON**  
**PEMBANTU BELIA DAN SUKAN**  
**PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI**

Nama Yusri sememangnya tidak asing lagi bagi peminat sukan ping pong di universiti ini. Dikenali sebagai pemain ping pong yang berbakat dan disegani, kehadiran beliau dalam pertandingan-pertandingan yang dianjurkan seringkali memberi tekanan kepada pihak lawan.

Selain ping pong, Yusri turut menyumbang bakti dalam acara olahraga dan bola sepak. Mewakili pasukan HEPA dalam Sukan Antara Jabatan (SAJ), Yusri menyumbangkan pingat emas dalam acara bola sepak dan perak dalam acara olahraga.

Kepakaran beliau dalam sukan ping pong turut mendapat pengiktirafan daripada organisasi lain. Yusri pernah dilantik mengetuai jawatankuasa teknikal dalam Sukan Industri Melaka 2010, Sukan Nasional Felda Palm Industries serta Setiausaha Persatuan Ping Pong Daerah Melaka Tengah.



**ZUHANA BINTI JOHARI**  
**PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)**  
**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI (CRIM)**

Zuhana menyertai UTeM pada 2003 dan ditempatkan di Penerbit Universiti untuk melaksanakan urusan pertadbiran kewangan pejabat tersebut. Berasal dari Bukit Katil Melaka, Zuhana kini berkhidmat di Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM). Seorang yang kaya dengan senyuman, Zuhana pernah memegang jawatan selaku Bendahari untuk Kelab Ceria Penerbit serta terlibat secara langsung dalam mempromosikan bahan penerbitan universiti sebelum ini.

Menggemari masak lemak cili api, Zuhana juga merupakan peminat setia ratu skuasy negara Datuk Nicol Anne David. Selain meminati bidang sukan, Zuhana sering melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti komuniti yang dianjurkan. Beliau pernah melaksanakan khidmat masyarakat di Rumah Seri Kenangan Cheng, sukarelawan Majlis Ibadah Qurban & Aqiqah peringkat universiti serta pelbagai program lain.

Selaku penerima Anugerah Khidmat Cemerlang, Zuhana mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang pernah memberi tunjuk ajar dan dorongan kepadanya untuk melaksanakan tugas dengan jayanya.

## Lawatan Muhibbah Eratkan Hubungan Dengan Media

22 Ogos: Hubungan erat di antara pihak media dan UTeM diperkukuhkan lagi melalui lawatan muhibbah yang dianjurkan baru-baru ini. Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat (PPKK) telah mengadakan lawatan ke pejabat-pejabat media di Melaka dan Kuala Lumpur bagi mendapatkan maklumbalas serta bertukar-tukar pandangan mengenai aktiviti bersama media yang telah dijalankan sepanjang tahun ini.

Lawatan tersebut antara lain untuk menyampaikan ucapan penghargaan kepada warga media yang sentiasa memberi sokongan padu kepada UTeM dalam setiap program yang telah dianjurkan. Di samping itu, UTeM turut menyumbangkan cenderahati istimewa sempena menyambut kedatangan Syawal kepada pengamal media sebagai tanda ingatan.



## Produk Penyelidikan UTeM Dapat Perhatian Umum

19 Ogos : Keunggulan produk penyelidikan UTeM di peringkat nasional dan antarabangsa sekali lagi mendapat perhatian umum. Kali ini, sebuah syarikat produksi yang menerbitkan rancangan dokumentari untuk RTM telah berkunjung ke universiti ini bagi menjalankan penggambaran terhadap produk 'SD-Traffic Light'.

Produk yang pernah merangkul Anugerah Khas daripada Swiss Automobile Association pada pameran rekabipta di Geneva tahun ini dihasilkan oleh penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) diketuai oleh Engr. Siva Kumar A/L Subramaniam. 'SD- Traffic Light' merupakan inovasi terhadap lampu isyarat yang memberi kemudahan kepada pemandu yang mengalami masalah rabun warna untuk menentukan isyarat dengan tepat.

Rancangan dokumentari tersebut yang dihoskan oleh selebriti tanahair, Aril dijangka akan disiarkan pada penghujung tahun ini. Tahniat kepada penyelidik UTeM dan semoga liputan tersebut akan mengharumkan nama universiti dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

